

# Masalah Sakit Puan - Apa Yang Kita Perlu Tahu?

---

DR NORLIDA HJ KAIRON

PAKAR PERBIDANAN DAN SAKITPUAN

HOSPITAL PAKAR AL ISLAM

# Wanita dan Puasa

---

- Wanita dan lelaki tak jauh beza dari segi ibadah puasa hanya keistimewaan Allah berilah “waktu rehat” dari berpuasa dan juga solat.
- Fitrah wanita di datangi haid, nifas dan wiladah. Ada wanita di uji dengan “istihadah”
- Tidak terkecuali di bulan **Ramadan** wanita yang normal di datangi haid.
- Wanita di haruskan menyusukan bayi - best ‘food’/ saranan Quran al baqarah :233; At Talaq :6, An nisa:23; al qasa,:7,12; al Hajj :2,Al ahqaf:15; Luqman:14

# Ayat tentang puasa

---

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Ayat tentang puasa ini memiliki arti: “Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.” (QS. Al-Baqarah, Ayat 183).

---

Setiap individu Muslim dewasa diwajibkan berpuasa tetapi ia dikecualikan kepada

- orang tua, yang tidak mampu secara fizikal dan mental
- wanita hamil
- ibu yang menyusukan anak.

Walaupun begitu, sebahagian wanita Muslim yang hamil masih berpuasa setiap hari sepanjang bulan Ramadan, tanpa menyedari potensi risiko kesihatan bagi diri mereka sendiri dan juga anak.

## IRSYAD AL-FATWA KE-31:

# HUKUM WANITA HAMIL MENINGGALKAN PUASA. ADAKAH WAJIB QADHA' ATAU FIDYAH ATAU LAINNYA? (EDISI KEMAS KINI)

---

Perempuan hamil dan yang menyusukan anak diberikan keringanan untuk berbuka atau tidak berpuasa.

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam *Fiqh al-Siyam* tidak menukulkan sebarang syarat khas untuk perempuan yang hamil untuk tidak berpuasa kerana tidak terdapat sebarang dalil mengenainya.

Walaubagaimanapun, terdapat **dalil umum** dalam isu ini daripada hadis Anas bin Malik RA:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَضَعَ عَنِ الْمُسَافِرِ شَطْرَ الصَّلَاةِ، وَعَنِ الْمُسَافِرِ وَالْحَامِلِ وَالْمُرْضِعِ الصَّوْمَ، أَوْ الصِّيَامَ

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Allah meringankan daripada orang yang musafir dengan separuh solat dan meringankan daripada puasa bagi perempuan hamil dan menyusukan anaknya.*”

*Riwayat al-Tirmidzi (715), al-Nasaie (2775) dan Ibn Majah (1667)*

# Gambaran Ramadan

---

BRITISH ISLAMIC MEDICAL ASSOCIATION

Dr Saad Amer, Consultant Gynae & Assoc Prof Uni of Nottingham

- Berpuasa menggalakkan kesihatan umum
- Potensi kesan buruk kekurangan makanan dan air terhadap kehamilan.
- Kajian semasa melihat data terhad mengenai kesan kesihatan berpuasa terhadap kehamilan.

# Konsensus di kalangan ulama islam

---

Wanita hamil tidak berpuasa di bulan ramadan terutamanya

- apabila puasa menimbulkan risiko kesihatan
- jika terlalu sukar untuk berpuasa.

Puasa kemudiannya boleh digantikan hari lain kemudiannya

# Kesan berpuasa

---

Tiga kesan utama harus dipertimbangkan :-

- ❑ Ketika trimester pertama - **embriogenesis** diawal kehamilan,
- ❑ kehamilan pada **wanita sihat** dan
- ❑ kehamilan pada **wanita bermasalah kesihatan** eg GDM,PIH



# Puasa dan embriogenesis pada trimester pertama

---

*Embriogenesis, 8 minggu pertama selepas persenyawaan, dimana perkembangan dan pembentukan embrio serta penubuhan semua sistem dan organ (Fasa kritikal yang terdedah kepada faktor persekitaran. )*

- ❑ Teorinya, puasa-> kekurangan nutrisi atau hipoglisemia -> akibat buruk kepada embrio yang sedang berkembang.
- ❑ Hipotesis - disokong oleh daripada kajian haiwan - melaporkan kesan berbahaya puasa seperti peningkatan risiko **keguguran**, **penurunan berat janin**, dan **perubahan dalam osifikasi** (*Cappon et al 2005, Fleeman et al 2005; Ikemii et al 1993; Kawaguchi et al 1994*)

# Kajian puasa vs kehamilan ditrimester 1

---

- a) **Hipoglisemia** ibu pada awal kehamilan pada tikus mempengaruhi embriogenesis (*Kawaguchi et al, 1994*).
- b) Hanya satu kajian klinikal kecil dari Iran yang melaporkan peningkatan risiko **berat kelahiran rendah (low birth weight)** (RR 1.5 (95% CI 0.23-1.44) pada ibu yang berpuasa semasa trimester pertama vs ibu tidak berpuasa (*Ziaee et al 2010*).
- c) kajian klinikal dari **Belanda dan Indonesia** melaporkan puasa ditrimester pertama **tiada kesan** terhadap berat kelahiran (*Savitri et al 2015, 2018*).

➤ tiada data klinikal yang kukuh daripada kajian manusia,  
->tiada kesimpulan boleh dibuat harus ditafsirkan dengan berhati-hati.

---

**Terima kasih**  
**SELAMAT BERPUASA**

# Ibu sihat berpuasa di bulan Ramadhan

---

Kebanyakan kajian klinikal mendapati **tiada kesan buruk** berpuasa terhadap kesejahteraan ibu yang sihat atau bayi mereka.

Dalam tinjauan sistematik besar yang mengkaji 22 kajian dan termasuk 31,374 kehamilan, di mana 18,920 kehamilan terdedah kepada puasa Ramadan (Glazier et al 2018).

❖ Kesimpulan ->

*puasa Ramadan tidak menjejaskan berat lahir bayi*

Tapi, bukti tidak mencukupi mengenai kesan pada hasil perinatal yang lain.

# Ibu Sihat puasa ditrimester ke 2

---

A) Kajian prospektif - 155 wanita yang berpuasa vs 146 wanita hamil tidak berpuasa (Safari et al 2019).

❖ Puasa tiada sebarang kesan buruk pada **berat lahir, skor Apgar, ketinggian**, atau **lilitan kepala**

❖ **Kesan baik** -> **kurangkan risiko diabetes gestational** dan **penambahan berat badan berlebihan**.

B) Kajian prospektif dari Indonesia, 1351 wanita hamil berpuasa Ramadan disiasat (Savitri et al 2018).

❖ Berat lahir bayi tidak terjejas, tanpa mengira trimester.

❖ Mereka juga meneroka kesan intensiti berpuasa ke atas berat lahir bayi dan mendapati tiada perbezaan antara wanita yang berpuasa selama 1-8 hari (n=33), 10-23 hari (n=40) dan 24-30 hari (n=35)

❖ Puasa dikaitkan -> pengurangan jumlah pengambilan tenaga, makronutrien dan air.

# Kesimpulan kajian

---

- i. Tiada data klinikal yang kukuh daripada **kajian manusia** yang mengkaji korelasi antara puasa dan embriogenesis pada trimester pertama, **tiada kesimpulan kukuh** dapat. Oleh itu, bukti harus ditafsirkan dengan berhati-hati.
- ii. Berat lahir bayi tidak dipengaruhi oleh puasa Ramadan, *namun* terdapat bukti tidak mencukupi untuk mencadangkan sebarang kesan kepada hasil perinatal yang lain.
- iii. Hasil positif pada kesihatan ibu dengan berpuasa pada trimester kedua. Tiada kesan buruk kepada bayi baru lahir dilaporkan.
- iv. Tidak ada korelasi antara puasa dan berat lahir bayi baru lahir dalam mana-mana trimester.
- v. Berat bayi lahir tidak dikaitkan dengan intensiti puasa

## IRSYAD AL-FATWA KE-31:

# HUKUM WANITA HAMIL MENINGGALKAN PUASA. ADAKAH WAJIB QADHA' ATAU FIDYAH ATAU LAINNYA? (EDISI KEMAS KINI)

---

Perempuan hamil dan yang menyusukan anak diberikan keringanan untuk berbuka atau tidak berpuasa.

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam *Fiqh al-Siyam* tidak menukilkan sebarang syarat khas untuk perempuan yang hamil untuk tidak berpuasa kerana tidak terdapat sebarang dalil mengenainya.

Walaupun bagaimanapun, terdapat **dalil umum** dalam isu ini daripada hadis Anas bin Malik RA:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَضَعَ عَنِ الْمُسَافِرِ شَطْرَ الصَّلَاةِ، وَعَنِ الْمُسَافِرِ وَالْحَامِلِ وَالْمُرْضِعِ الصَّوْمَ، أَوْ الصِّيَامَ

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Allah meringankan daripada orang yang musafir dengan separuh solat dan meringankan daripada puasa bagi perempuan hamil dan menyusukan anaknya.*”

*Riwayat al-Tirmidzi (715), al-Nasaie (2775) dan Ibn Majah (1667)*

---

Pertama: Mazhab Hanafi: Jika perempuan hamil atau menyusui yang meninggalkan puasa, wajib mengqad'akan puasa sahaja, tetapi sunat membayar fidyah. Pendapat ini juga dinyatakan oleh al-Hasan, Atha' al-Nakhaie, al-Zuhri, al-Auzaie, Sufyan al-Thauri. Ini juga salah satu wajah dalam mazhab Syafie.

**Kedua: Mazhab Syafi'i dan Hanbali: Wajib qada' dan perlu membayar fidyah bagi perempuan hamil atau menyusui yang meninggalkan puasa jika mereka takut kesihatan janin atau anaknya yang disusukan sahaja mengikut pendapat muktamad. Ini juga pendapat Mujahid.**

Ketiga: Mazhab Maliki: Wajib mengqad' dan fidyah hanya dikenakan kepada yang meninggalkan puasa kerana menyusukan bayi tidak kepada yang hamil. Wanita hamil hanya wajib mengqadha'kan sahaja tanpa fidyah. Ini juga pendapat ketiga dalam mazhab Syafie.

Keempat: Pendapat sebahagian sahabat antaranya Ibn Abbas, Ibn Umar, Ibn Sirin: Jika keduanya yakni perempuan yang hamil dan menyusui bimbang ke atas dirinya atau anaknya maka bolehlah ia berbuka dan membayar fidyah sahaja berdasarkan umum ayat **وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ**



# Pandangan Islam:

---

**‘Wanita hamil dibenarkan berhenti berpuasa pada bulan Ramadhan. ..**

Mengikut Mazhab Syafie, sekiranya dikhuatiri berpuasa itu akan memudaratkan ibu atau bayi atau kedua-duanya, ibu terbabit diwajibkan berbuka dan puasa itu boleh diganti kemudian hari.

# Persediaan Berpuasa Ramadan

---

Merancang lebih awal untuk memudahkan ibadah puasa pada bulan Ramadan:

- Alahan awal mengandung
- Berpenyakit dan perlu ambil ubat
  - PIH perlu ambil berkala – boleh tukar cara?
  - GDM on insulin - ? Boleh berpuasa – tidak boleh -kenapa
    - kalau boleh bagaimana
- Kontraksi pramatang
- Bayi dalam kandungan kecil
- Perdarahan ketika mengandung
- Cepat lapar, cepat letih/ tidak bermaya, kurang rehat/ tidur

# Tips di bulan Ramadhan jika ibu mahu berpuasa:

---

## Merancang lebih awal untuk memudahkan ibadah puasa pada bulan Ramadan

- ✓ Lakukan pemeriksaan kesihatan saringan komplikasi hamil seperti anaemia,, kencing manis (gestational diabetes mellitus) dan darah tinggi (pregnancy-induced hypertension, PIH).
- ✓ Mesti makan sahur; elok lewatkan sahur
- ✓ Ambil makanan yang berat ketika sahur bagi memberi tenaga secukupnya
- ✓ Ambil kurma sebagai makanan tambahan semasa sahur
- ✓ Pastikan pengambilan air yang mencukupi - disiplin!

## Tip sihat ikut maqasid

- ❖ Makan secara sederhana ketika berbuka.
- ❖ Makan perlahan-lahan.
- ❖ Tahan keinginan untuk makan banyak.

Anda boleh makan lagi selepas menunaikan solat Tarawih atau antara solat Tarawih.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan **makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas.**”

(Surah al-A'raf, ayat 31)

# PENYUSUSAN BAYI

---

# PENYUSUSAN BAYI DAN PUASA

---

“Laratkah nanti saya berpuasa?”

“Cukupkah susu saya untuk anak?”

“Perlukah saya berpuasa?”

# Rukhsah Puasa bagi ibu-ibu yang menyusukan bayi mereka

---

Di dalam Islam, **ibu-ibu yang menyusukan anak** mereka merupakan antara golongan diberikan rukhsah atau kelonggaran berpuasa.

*“Antara wanita yang **diharuskan berbuka puasa** dan wajib menggantikannya selagi mana puasa ganti tersebut tidak menjangkau Ramadhan tahun berikutnya adalah **ibu yang menyusukan anaknya dan kawatir akan kesihatan dirinya atau dirinya dan anaknya**. Bagi ibu yang menyusukan anak dan kawatir akan kesihatan anaknya diharuskan berbuka dan menggantikannya serta membayar fidyah. ”*

# Prosidur dan Rawatan sakitpuan

---



---

Harus di ingatkan bahawa ada keadaan boleh di tangguh ada keadaan tidak mampu di tangguh maka demi kesihatan wanita perlu pergi mendapatkan rawatan doktor atau pakar dan melalui pemeriksaan.

# Antara perkara yang tidak membatalkan puasa adalah:

---

- Turun nya darah acaman keguguran, atau “show” atau bendalir ketika awal proses labour
- ‘Memasukkan alat ke dalam faraj seperti pessary, atau spekulum, atau jari untuk tujuan pemeriksaan perubatan.
- Memasukkan alat perubatan atau IUD ke dalam rahim.
- Hysteroscopy DD&C
- DII

# Perbahasan ulama – benda masuk melalui saluran kelamin

---

Mereka berselisihan pendapat

- **Ulama Maliki dan Hambali** - tidak batal – alasan tidak bersambung dengan rongga perut, ia adalah rongga zahir, bukan rongga dalam
- **Mazhab Hanafi dan shafie** – batal – saluran boleh sampai ke perut seperti rongga telinga

## Pendapat terpilih

- perbincangan dalam perubatan moden jalan tidak di tembusi antara vagina dan rongga perut
- Tiada alasan kukuh yang mewajibkan batal puasa, tiada nas
- hanya satu shj yg batal iaitu hubungan kelamin

AL SHEIKH AHMAD BIN MUHAMMAD AL KHALIL

# Puasa batal

---

- ❑ Pengambilan makanan, nutrien, atau minuman yang disengajakan;
- ❑ Hubungan seksual termasuk induksi pengeluaran air mani